

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- i. Usaha Kementerian mewajibkan pemilik premis dalam bidang komersial seperti pusat membeli-belah untuk mengambil kira elemen pengudaraan sebagai indikator utama pembukaan; dan
- ii. Perancangan Kementerian mengguna pakai ukuran CO2 sebagai pemantauan pengudaraan dan kualiti udara dalaman seperti dilaksanakan di premis komersial Jepun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pemilik premis komersial seperti pusat membeli-belah mengambil kira elemen pengudaraan sebagai indikator utama pembukaan. Elemen pengudaraan telah diintegrasikan di dalam Prosedur Operasi Standard bagi semua fasa Pelan Pemulihan Negara.

Berdasarkan Prosedur Operasi Standard, semua pemilik premis termasuk pusat komersial dan pusat beli belah perlu memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Selain itu, kandungan karbon dioksida di udara juga telah diambil kira sebagai salah satu indikator di dalam Kod Amalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 (*Industry Code of Practice on Indoor Air Quality 2010 - ICOP IAQ*). Kandungan karbon dioksida merupakan indikator yang menentukan kecukupan kadar pengudaraan bagi suatu ruang tertutup yang dilengkapi dengan sistem penyaman udara berpusat (*centralised air conditioning*) atau penyaman udara boleh pisah (*split air conditioning*).

Berdasarkan kepada ICOP IAQ 2010 tersebut, kandungan karbon dioksida di udara bagi bangunan bukan industri (*non-industrial building*) tidak boleh melebihi 1,000 bahagian per sejuta (*1,000 parts per million*) pada sesuatu masa.

Pengudaraan adalah tidak mencukupi sekiranya bacaan karbon dioksida melebihi 1000 bahagian per sejuta (*1,000 parts per million*). Ini memberi gambaran bahawa kemungkinan sistem pengudaraan sedia ada tidak diselenggara mengikut saranan pembuat atau terdapat ramai penghuni dalam suatu ruang yang melebihi had yang telah ditetapkan dalam reka bentuk ruang tersebut.